



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 72  
No. 26

**19hb Disember 2019**

*TAMBAHAN NO. 8  
PERUNDANGAN*

---

---

**Tr. P.U. 11.**

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(TERENGGANU) 2017

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN *RUJU'*) 2019

---

---

**SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH**

---

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

*Kaedah*

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

TATACARA PENTADBIRAN PERKAHWINAN

4. Kursus praperkahwinan Islam
5. Permohonan untuk kebenaran berkahwin
6. Rujukan kepada Mahkamah
7. Kebenaran berkahwin

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PERKAHWINAN

8. Pendaftaran perkahwinan dalam negeri
9. Pendaftaran perkahwinan luar negeri
10. Pendaftaran perkahwinan sukarela

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PERCERAIAN

11. Pendaftaran perceraian
12. Surat Perakuan Cerai

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN *RUJU*'

13. Pendaftaran *ruju*'

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN DAFTAR-DAFTAR DAN SALINAN-SALINAN

14. Carian rasmi
15. Salinan Catatan Dalam Daftar Perkahwinan dan Daftar Perceraian dan Pembatalan

BAHAGIAN VII

BORANG-BORANG DAN FI

16. Borang-Borang
17. Fi

BAHAGIAN VIII

AM

18. Lafaz ta'liq
19. Penyimpanan dan pelupusan dokumen
20. Ketidapatuhan
21. Membetulkan kesilapan
22. Pembatalan
23. Kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(TERENGGANU) 2017

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN *RUJU'*) 2019

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan 139 (3) (i) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 [*En. Tr. 1/2017*], Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis, membuat Kaedah-Kaedah berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Permohonan dan Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian dan *Ruju'*) 2019.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2019 kecuali Kaedah 17 hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi semua urusan yang berkaitan dengan permohonan kebenaran berkahwin, pendaftaran dan penyenggaraan daftar perkahwinan, perceraian dan pembatalan, borang-borang yang digunakan dan fi yang kena dibayar.

**Tafsiran**

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 [*En. Tr. 1/2017*];

“Jabatan” ertinya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) atau 4(2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 [*En. Tr. 3/2001*];

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu;

“upah nikah” ertinya bayaran perkhidmatan Jurunikah yang dikenakan kepada pasangan pengantin.

## BAHAGIAN II

## TATACARA PENTADBIRAN PERKAHWINAN

**Kursus praperkahwinan Islam**

4. (1) Jabatan hendaklah menganjurkan kursus praperkahwinan Islam.

(2) Walau apa pun peruntukan subkaedah (1), Jabatan boleh memberi kebenaran kepada mana-mana orang untuk menganjurkan kursus praperkahwinan Islam mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan.

(3) Jabatan hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang munasabah terhadap mana-mana orang yang gagal mematuhi garis panduan berkenaan penganjuran kursus praperkahwinan Islam yang ditetapkan oleh Jabatan.

(4) Mana-mana orang yang hendak berkahwin hendaklah menghadiri dan memiliki sijil kursus praperkahwinan Islam yang diiktiraf oleh Jabatan.

(5) Pesuruhjaya, atas sebab-sebab yang munasabah, boleh mengecualikan mana-mana orang daripada menghadiri kursus praperkahwinan Islam.

**Permohonan untuk kebenaran berkahwin**

5. (1) Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) dalam borang Permohonan Untuk Kebenaran Berkahwin, dengan melayari laman sesawang <http://emunakahat.terengganu.gov.my> oleh mana-mana pihak kepada perkahwinan itu.

(2) Borang permohonan yang telah lengkap beserta dokumen yang ditetapkan, hendaklah dihantar kepada Pendaftar tidak kurang dari 7 hari bekerja, sebelum tarikh cadangan akad nikah, kecuali bagi permohonan yang melibatkan kebenaran Hakim *Syarie*.

(3) Jika—

  - (a) lelaki dan perempuan bermastautin dalam mukim atau daerah yang sama, borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pendaftar di mana lelaki dan perempuan itu bermastautin;
  - (b) lelaki dan perempuan yang bermastautin dalam daerah berlainan, borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pendaftar di mana lelaki itu bermastautin untuk mendapatkan pengesahan Pendaftar, dan seterusnya hendaklah dihantar kepada Pendaftar di mana perempuan itu bermastautin;

- (c) lelaki bermastautin dalam negeri yang berlainan dari negeri perempuan bermastautin hendaklah—
- (i) pihak lelaki mendapatkan kebenaran berkahwin dari pihak berkuasa agama negerinya terlebih dahulu; dan
  - (ii) pihak yang bermastautin di negeri ini hendaklah mengisi permohonan secara dalam talian (*online*) setelah mendapat dokumen kebenaran berkahwin daripada pihak lelaki dan menghantarnya kepada Pendaftar;
- (d) lelaki atau perempuan yang telah mendapat kebenaran berkahwin dari pihak berkuasa agama negeri lain, dikehendaki melengkapkan borang Permohonan Untuk Kebenaran Berkahwin dengan disertakan kebenaran berkahwin yang telah diperolehi dan dihantar kepada Pendaftar di mana akad nikah hendak dijalankan.

#### **Rujukan kepada Mahkamah**

6. (1) Mana-mana orang yang tertakluk di bawah seksyen 17 Enakmen, hendaklah memohon kepada Pendaftar dan Pendaftar hendaklah merujuk permohonan itu kepada Hakim *Syarie* yang berbidangkuasa di tempat perempuan itu bermastautin.

(2) Mana-mana lelaki yang telah bercerai dan dalam '*iddah* isteri, hendaklah mendapat kebenaran bertulis (poligami) daripada Mahkamah untuk berkahwin.

#### **Kebenaran berkahwin**

7. (1) Pendaftar atau Hakim *Syarie*, mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan kebenaran berkahwin dalam—

- (a) Borang 2 Jadual Pertama - jika perkahwinan itu akan berlaku dalam Negeri Terengganu, termasuk mereka (lelaki dan perempuan) yang telah mendapat kebenaran berkahwin dari negeri lain;
- (b) Borang 3 Jadual Pertama - jika seorang lelaki akan berkahwin dengan seorang perempuan di luar Negeri Terengganu atau pasangan berkenaan ingin berkahwin di luar Negeri Terengganu; dan
- (c) Borang 4 Jadual Pertama - jika pihak-pihak mendapat kebenaran berkahwin daripada Hakim *Syarie*.

(2) Pendaftar bolehlah memberi kebenaran dalam Borang 2 Jadual Pertama kepada wali untuk mengkadnikahkan dengan syarat kehadiran Jurunikah.

## BAHAGIAN III

## PENDAFTARAN PERKAHWINAN

**Pendaftaran perkahwinan dalam negeri**

8. (1) Jika perkahwinan itu mengikut peruntukan Enakmen, pendaftaran hendaklah dibuat dalam masa dua puluh satu hari selepas akad nikah dan pihak-pihak atau Jurunikah hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar borang-borang berikut—

- (i) Borang 1 - Permohonan Untuk Kebenaran Berkahwin (Lelaki dan Perempuan);
- (ii) Borang 2 - Kebenaran Berkahwin (Dalam Mukim); atau
- (iii) Borang 4 - Kebenaran Berkahwin (Oleh Hakim Syarie); dan
- (iv) Borang 5 - Borang Nikah.

(2) Borang Nikah hendaklah dijadikan dokumen rujukan utama dan Pendaftar hendaklah menyemak, setelah berpuashati dengan catatan dalam borang tersebut hendaklah mendaftar perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan Dalam Negeri serta menandatangani daftar itu.

(3) Nombor pendaftaran hendaklah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Borang 5 Jadual Pertama.

(4) Jika pendaftaran itu melibatkan seorang janda atau duda (cerai hidup), Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu catatan berkenaan dengan hal tersebut dalam Daftar Perceraian dan Pembatalan terdahulu.

(5) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Surat Perakuan Nikah dalam Borang 6 Jadual Pertama sebanyak tiga (3) salinan.

(6) Setiap satu salinan Surat Perakuan Nikah yang telah ditandatangani oleh Pendaftar, hendaklah diserahkan satu salinan kepada suami, satu salinan kepada isteri dan satu salinan disimpan oleh Pendaftar.

(7) Pendaftar hendaklah juga mengeluarkan Kad Perakuan Nikah dalam Borang 7 Jadual Pertama sebanyak dua (2) salinan, satu untuk suami dan satu untuk isteri.

(8) Jika perkahwinan itu berlawanan dengan peruntukan Enakmen, permohonan pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang 8 Jadual Pertama dan perkahwinan itu hanya boleh didaftarkan setelah perkahwinan itu telah disahkan oleh Mahkamah menurut subseksyen 24(b) Enakmen.

(9) Nombor pendaftaran hendaklah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Borang 8 Jadual Pertama.

---

**Pendaftaran perkahwinan luar negeri**

9. (1) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam Borang 9 Jadual Pertama dalam masa dua bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu tiba di Malaysia dengan disertakan bersama dokumen yang ditetapkan.

(2) Pemohon atau pasangan hendaklah hadir di hadapan Pendaftar untuk memberi keterangan dan jika Pendaftar telah berpuashati; dan

(a) jika perkahwinan itu tidak berlawanan dengan Enakmen, Pendaftar hendaklah mendaftarkan perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan Orang Islam Luar Negeri; atau

(b) jika perkahwinan itu berlawanan dengan Enakmen, Pendaftar hendaklah menyebabkan satu maklumat kepada Pegawai Penguatkuasa Syariah, dengan mengisi Borang 5 dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Tahun 2001 dan menghantar kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah.

(3) Perakuan perkahwinan oleh Pendaftar atau pengesahan perkahwinan oleh Mahkamah hendaklah dijadikan dokumen rujukan utama dan Pendaftar bolehlah mendaftar perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan Orang Islam Luar Negeri.

(4) Jika Pendaftar tidak berpuashati dengan dokumen dan keterangan berhubung perkahwinan itu, Pendaftar boleh menolak permohonan itu dan mengarahkan pemohon mendapatkan pengesahan perkahwinan dari Mahkamah dengan mengeluarkan satu alasan penolakan atau satu surat iringan kepada Mahkamah yang menyatakan alasan-alasan permohonan tersebut ditolak.

(5) Jika pendaftaran itu melibatkan seorang janda atau duda (cerai hidup), pendaftar hendaklah menyebabkan suatu catatan berkenaan dengan hal tersebut dalam Daftar Perceraian dan Pembatalan terdahulu.

(6) Setelah didaftarkan, Pendaftar hendaklah memperakui, mengesahkan dan menandatangani Daftar Perkahwinan Orang Islam Luar Negeri.

(7) Nombor pendaftaran hendaklah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Borang 9 Jadual Pertama.

(8) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Salinan Sah Catatan Dalam Daftar Perkahwinan Luar Negeri dalam Borang 10 Jadual Pertama dalam tiga (3) salinan.

(9) Setiap satu Salinan Sah Catatan Dalam Daftar Perkahwinan Luar Negeri yang telah ditandatangani oleh Pendaftar, hendaklah diserahkan satu salinan kepada suami, satu salinan kepada isteri dan satu salinan disimpan oleh Pendaftar.

(10) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Kad Catatan Nikah dalam Borang 7 Jadual Pertama sebanyak dua (2) salinan, satu untuk suami dan satu untuk isteri.

(11) Jika salah satu atau kedua-dua pihak itu gagal hadir dalam tempoh dua bulan dari tarikh mula-mula sampai di Malaysia, Pendaftar bolehlah atas alasan yang munasabah mendaftarkan perkahwinan itu.

**Pendaftaran perkahwinan sukarela**

10. (1) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam Borang 11 Jadual Pertama kepada Pendaftar bersama dokumen yang ditetapkan.

(2) Setelah berpuashati, Pendaftar bolehlah mendaftar perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan Sukarela dan bolehlah mengeluarkan Salinan Sah Catatan Dalam Daftar Perkahwinan Sukarela dalam Borang 12 Jadual Pertama dalam tiga (3) salinan.

(3) Nombor pendaftaran hendaklah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Borang 11 Jadual Pertama.

(4) Setiap satu Salinan Sah Catatan Dalam Daftar Perkahwinan Sukarela yang telah ditandatangani oleh Pendaftar, hendaklah diserahkan satu salinan kepada suami, satu salinan kepada isteri dan satu salinan disimpan oleh Pendaftar.

(5) Pendaftar juga hendaklah mengeluarkan Kad Catatan Nikah dalam Borang 7 Jadual Pertama sebanyak dua (2) salinan, satu untuk suami dan satu untuk isteri.

**BAHAGIAN IV****PENDAFTARAN PERCERAIAN****Pendaftaran perceraian**

11. (1) Pendaftaran perceraian hanya boleh dibuat selepas Mahkamah telah membuat perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian, dan jika—

- (a) perkahwinan itu diakadnikahkan di Negeri Terengganu, kemudian dibubarkan oleh Mahkamah yang berbidangkuasa dalam Negeri Terengganu, rekod mengenai suatu *talaq* atau apa-apa bentuk perceraian yang lain itu hendaklah dihantar kepada Pendaftar dan satu salinan kepada Ketua Pendaftar; atau
- (b) perkahwinan itu diakadnikahkan di dalam Negeri Terengganu, kemudian dibubarkan atau dibatalkan oleh Mahkamah yang berbidangkuasa di luar Negeri Terengganu, salah satu daripada pihak-pihak itu boleh memohon kepada Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah mendaftarkan perintah itu apabila berpuas hati bahawa perintah itu adalah satu perintah yang patut diiktiraf sebagai sah bagi maksud-maksud undang-undang dalam Negeri Terengganu; atau
- (c) perkahwinan itu dilakukan di luar negeri dan Mahkamah telah mengesahkan bahawa perkahwinan itu sah dari segi Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah didaftarkan terlebih dahulu dalam Daftar Perkahwinan Orang Islam Luar Negeri.



(2) Ketua Pendaftar atau Pendaftar yang mendaftarkan dan menyenggara Daftar Perceraian dan Pembatalan, hendaklah dengan serta merta mengarahkan supaya catatan dalam Daftar Perkahwinan perkataan “**DIBUBARKAN**” dengan rujukan mengenai perintah itu.

### **Surat Perakuan Cerai**

12. Ketua Pendaftar hendaklah mengeluarkan Surat Perakuan Cerai dalam Borang 13 Jadual Pertama apabila dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan.

## BAHAGIAN V

### PENDAFTARAN *RUJU*'

#### **Pendaftaran *ruju*'**

13. (1) Pasangan yang telah bercerai dan bersetuju untuk *ruju*' dalam tempoh '*iddah raj'i*' hendaklah melaporkan hal *ruju*' itu kepada Pendaftar di mana dia bermastautin dalam Borang 14 Jadual Pertama.

(2) Setelah penyiasatan yang perlu dan Pendaftar berpuashati bahawa *ruju*' itu telah berlaku mengikut Hukum Syarak, dan jika—

(a) perkahwinan itu didaftarkan olehnya, Pendaftar hendaklah mendaftarkan *ruju*' itu dengan membuat suatu endorsan dalam Daftar Perceraian dan Pembatalan dan meminta pihak-pihak menyerahkan Surat Perakuan Cerai dan mengeluarkan Surat Perakuan *Ruju*' dalam Borang 15 Jadual Pertama; atau

(b) perkahwinan itu tidak didaftarkan olehnya, Pendaftar hendaklah merekodkan dalam Surat Perakuan Cerai itu, nombor siri dan butir-butir Surat Perakuan *Ruju*' itu dan menghantar Surat Perakuan Cerai kepada Pendaftar yang telah mengeluarkannya bersama dengan salinan Surat Perakuan *Ruju*'.

(3) Jika perceraian bagi maksud *ruju*' yang hendak dilaporkan masih belum didaftarkan, pemohon hendaklah mendaftarkan affidavit permohonan pengesahan lafaz cerai di Mahkamah dan mengemukakan bersama laporan *ruju*'.

(4) Satu salinan Surat Perakuan *Ruju*' hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar, dan Ketua Pendaftar hendaklah membuat endorsan mengenai *ruju*' itu dalam Daftar Perceraian dan Pembatalan.

## BAHAGIAN VI

## PEMERIKSAAN DAFTAR-DAFTAR DAN SALINAN-SALINAN

**Carian rasmi**

14. (1) Mana-mana orang boleh membuat carian di dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan, yang disimpan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar melalui Borang 16 Jadual Pertama dan setelah dibayar fi yang ditetapkan.

(2) Satu carian rasmi dalam Borang 17 Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan kepada pemohon berkenaan.

**Salinan Catatan Dalam Daftar Perkahwinan dan Daftar Perceraian Dan Pembatalan**

15. Ketua Pendaftar atau Pendaftar, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melalui Borang 18 Jadual Pertama dan setelah dibayar fi yang ditetapkan, memberi satu Salinan Catatan Dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan yang diperakui dengan tandatangan dan meterai jawatan kepada seseorang yang menghendakinya.

## BAHAGIAN VII

## BORANG-BORANG DAN FI

**Borang-borang**

16. Borang-borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ini hendaklah digunakan bagi segala urusan rasmi berkenaan dengan perkahwinan, perceraian dan *ruju'* di bawah Enakmen.

- (a) Borang 1 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk kebenaran berkahwin (lelaki dan perempuan) di bawah seksyen 15 Enakmen;
- (b) Borang 2 hendaklah digunakan untuk kebenaran berkahwin (dalam mukim) di bawah seksyen 16 Enakmen;
- (c) Borang 3 hendaklah digunakan untuk kebenaran berkahwin (luar mukim) di bawah seksyen 16 Enakmen;
- (d) Borang 4 hendaklah digunakan untuk kebenaran berkahwin (oleh Hakim Syarie) di bawah seksyen 17 Enakmen;
- (e) Borang 5 hendaklah digunakan untuk borang nikah di bawah seksyen 21 Enakmen;
- (f) Borang 6 hendaklah digunakan untuk surat perakuan nikah di bawah seksyen 25 Enakmen;

- 
- (g) Borang 7 hendaklah digunakan untuk kad perakuan nikah dan kad catatan nikah;
  - (h) Borang 8 hendaklah digunakan untuk permohonan pendaftaran perkahwinan yang berlawanan Enakmen di bawah subseksyen 24(b) Enakmen;
  - (i) Borang 9 hendaklah digunakan untuk permohonan pendaftaran perkahwinan luar negeri di bawah perenggan 29(1)(c) Enakmen;
  - (j) Borang 10 hendaklah digunakan untuk salinan sah catatan dalam daftar perkahwinan luar negeri di bawah subseksyen 29(4) Enakmen;
  - (k) Borang 11 hendaklah digunakan untuk permohonan pendaftaran perkahwinan sukarela di bawah subseksyen 31(1) Enakmen;
  - (l) Borang 12 hendaklah digunakan untuk salinan sah catatan dalam daftar perkahwinan sukarela di bawah subseksyen 31(4) Enakmen;
  - (m) Borang 13 hendaklah digunakan untuk surat perakuan cerai di bawah subseksyen 52(5) Enakmen;
  - (n) Borang 14 hendaklah digunakan untuk melaporkan hal *ruju'* di bawah subseksyen 49(2) Enakmen;
  - (o) Borang 15 hendaklah digunakan untuk surat perakuan *ruju'* di bawah subseksyen 49(3) Enakmen;
  - (p) Borang 16 hendaklah digunakan untuk permohonan pemeriksaan dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan di bawah subseksyen 40(1) dan 55(1) Enakmen;
  - (q) Borang 17 hendaklah digunakan untuk permohonan carian rasmi dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan di bawah subseksyen 40(1) dan 55(1) Enakmen;
  - (r) Borang 18 hendaklah digunakan untuk permohonan salinan-salinan dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan di bawah subseksyen 40(2) dan 55(2) Enakmen; dan
  - (s) Borang 19 hendaklah digunakan untuk membetulkan kesilapan dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian dan Pembatalan di bawah seksyen 39 dan 54 Enakmen.

**Fi**

17. Fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dikenakan bagi semua urusan yang ditentukan di dalamnya.

## BAHAGIAN VIII

## AM

**Lafaz *ta'liq***

18. Pihak suami perlu melafazkan *ta'liq* yang ditetapkan.

**Penyimpanan dan pelupusan dokumen**

19. Tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyimpan dokumen-dokumen yang dikeluarkan sewajarnya dan borang-borang permohonan yang tidak aktif bolehlah dilupuskan menurut seksyen 26 Akta Arkib Negara 2003.

**Ketidakpatuhan**

20. Ketidakpatuhan dengan mana-mana borang yang ditetapkan tidak menyebabkan permohonan, prosiding atau perbicaraan batal tetapi Pendaftar, Hakim *Syarie* atau Mahkamah, boleh mengarahkan pihak berkenaan meminda atau membetulkan borang itu mengikut apa-apa bentuk dan menurut apa-apa terma dan syarat.

**Membetulkan kesilapan**

21. Pendaftar boleh, atas permohonan mana-mana orang untuk membetulkan apa-apa kesilapan dalam surat perakuan nikah, surat perakuan cerai dan pembatalan atau surat perakuan *ruju'* dengan menggunakan Borang 19 Jadual Pertama mengikut budibicaranya yang difikirkan sesuai.

**Pembatalan**

22. Kaedah-Kaedah Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1987 [*Tr. P.U. 10/87*] adalah dibatalkan.

**Kecualian**

23. Semua Kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Kaedah-Kaedah ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Kaedah-Kaedah ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, Kaedah-Kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

## JADUAL PERTAMA



## BORANG 1

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 15)

**PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN BERKAHWIN (LELAKI DAN PEREMPUAN)**

**A. BUTIRAN PENGANTIN LELAKI**

FOTO LELAKI

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Nama Lain (jika ada):	Umur:
Tarikh Lahir:	Email:
Bangsa:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Alamat Surat Menyurat:
Daerah:	Negeri:
Pekerjaan:	Pendapatan:
Status: Teruna / Berkahwin / Duda	Bil. Isteri / Bil. Anak (jika berkenaan):
No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	No. Surat Perakuan Mati (jika berkenaan):
Tarikh Saringan HIV:	No. Siri Saringan:
Tarikh Kursus MBKPI:	No. Siri Sijil:
No. Kebenaran Poligami (jika berkenaan):	No. Kebenaran Berkahwin dari negeri lain (jika berkenaan):

**Pengakuan:**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Tandatangan\*: .....

Tarikh: .....

\*nota: Tandatangan tidak diperlukan sekiranya lelaki telah mendapat kebenaran untuk berkahwin dari negerinya.

**Kenyataan Pendaftar Tentang Qariah / Mukim Masjid.**

Keterangan yang dicatatkan oleh pemohon di atas adalah benar dan dia adalah seorang yang beristeri/ belum beristeri/ sudah bercerai hidup/mati pada ..... dan tidak *ruju'* kepadanya dan mempunyai anak seramai .... orang

Tandatangan Pendaftar: .....

Tarikh: .....

**B. BUTIRAN PENGANTIN PEREMPUAN**

## FOTO PEREMPUAN

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Nama Lain (jika ada):	Umur:
Tarikh Lahir:	Email:
Bangsa:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Alamat Surat Menyurat:
Daerah:	Negeri:
Pekerjaan:	Pendapatan:
Kedudukan dalam Adik Beradik	
Status: Anak Dara / Janda / Balu	Bil. Isteri / Bil. Anak (jika berkenaan):
No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	No. Surat Perakuan Mati (jika berkenaan):
Tarikh Saringan HIV:	No. Siri Saringan:
Tarikh Kursus MBKPI:	No. Siri Sijil:
No. Kebenaran Berkahwin dari negeri lain (jika berkenaan):	

**Pengakuan:**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Tandatangan\*: .....

Tarikh: .....

\*nota: Tandatangan tidak diperlukan sekiranya perempuan telah mendapat kebenaran untuk berkahwin dari negerinya.

**C. BUTIRAN WALI (bagi perempuan sahaja)**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Bangsa:	Pekerjaan:
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
Status Wali: Wali Nasab / Wali Raja / Wali Am	Hubungan (mengikut tertib wali)

Pengakuan dan Persetujuan:

1. Saya mengaku dengan sesungguhnya bahawa saya adalah wali yang sah dari segi Hukum Syarak kepada .....(nama perempuan) No. Pengenalan Diri ..... dan hubungan adalah ..... (mengikut tertib wali).
2. Saya mengaku bahawa pasangan pengantin lelaki dan perempuan tidak tertegah dari segi Hukum Syarak untuk dinikahkan dan bersetuju terhadap perkahwinan ini.
3. Saya memohon untuk mengkadnikah sendiri dihadapan jurunikah .....
4. Saya bersetuju untuk mewakili kepada ..... (jurunikah) bagi mengkadnikahkan ..... (nama perempuan) dengan ..... (nama lelaki) dengan maskahwin sebanyak RM .....
5. Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Tandatangan: .....

Tarikh: .....

**D. BUTIRAN CADANGAN MAJLIS AKAD NIKAH**

Tarikh cadangan akad nikah (Masehi):	Tarikh (Hijrah):
Masa:	Alamat tempat akad nikah:
Mas Kahwin:	Hantaran:
	Pemberian lain (jika ada):
Orang Yang Akan Mengakadnikah: Wali / Jurunikah	Nama Jurunikah:
Status: Wali Nasab / Wali Raja / Wali Am	Alamat:

**E. BUTIRAN SAKSI**

## SAKSI PENGANTIN LELAKI 1

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Bangsa:	Pekerjaan:
Alamat:	No. Telefon (Bimbit):

## SAKSI PENGANTIN LELAKI 2

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Bangsa:	Pekerjaan:
Alamat:	No. Telefon (Bimbit):

## SAKSI PENGANTIN PEREMPUAN 1

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Bangsa:	Pekerjaan:
Alamat:	No. Telefon (Bimbit):

## SAKSI PENGANTIN PEREMPUAN 2

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Bangsa:	Pekerjaan:
Alamat:	No. Telefon (Bimbit):

Pengakuan:

Kami sesungguhnya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka kami telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Saksi Pengantin Lelaki 1	Tandatangan .....	Tarikh:
Saksi Pengantin Lelaki 2	Tandatangan .....	Tarikh:
Saksi Pengantin Perempuan 1	Tandatangan .....	Tarikh:
Saksi Pengantin Perempuan 2	Tandatangan .....	Tarikh:

**F. KENYATAAN PENDAFTAR**

Permohonan Diluluskan / Tidak diluluskan

Tandatangan Pendaftar:	Cap / Meterai:
Nama:	
Tarikh:	



## BORANG 2

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 16)

**KEBENARAN BERKAHWIN (DALAM MUKIM)**

Bil Kebenaran: Bil. Permohonan:

Tarikh Kebenaran: Bersamaan:

Saya ..... memberi kebenaran kepada .....  
(Nama Pendaftar) (Nama Pemohon)

No. Pengenal Diri ..... untuk berkahwin dengan .....  
(Nama Pasangan)

No. Pengenal Diri ..... bertempat di ..... pada  
(Alamat tempat akad nikah)

.....  
(tarikh)

Orang Yang Akan Akad Nikah Wali / Jurunikah dan Nama

Dengan Kehadiran Jurunikah (Nama Jurunikah)

Bidang Kuasa (Mukim / Daerah / Negeri)

Peringatan kepada Jurunikah

1. Kebenaran ini sah bagi tempoh 90 hari sahaja dari tarikh kebenaran berkahwin dikeluarkan.
2. Perkahwinan ini hendaklah didaftarkan dalam masa 21 hari dari tarikh akad nikah dengan menyertakan bersama satu salinan permohonan untuk kebenaran berkahwin (Borang 1), kebenaran berkahwin (Borang 2 / 3 / 4) dan Borang Nikah (Borang 5).

Tandatangan Pendaftar .....





## BORANG 3

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 16)

**KEBENARAN BERKAHWIN (LUAR MUKIM)**

PENDAFTAR NIKAH, CERAI DAN *RUJU'*  
(DAERAH TEMPAT AKAD NIKAH, NEGERI TEMPAT AKAD NIKAH)

Bil Kebenaran:

Adalah dimaklumkan bahawa pembawa surat ini .....

(Nama Pemohon)

No. Pengenalan Diri ..... umur ..... pekerjaan

..... beralamat .....

..... bercadang hendak berkahwin dengan

..... No. Pengenalan Diri ..... beralamat

(Nama Pasangan)

.....  
bertempat di ..... pada .....

(Alamat tempat akad nikah)

(tarikh)

2. Mengikut keterangan yang diperolehi dari borang permohonan, diperakukan bahawa .....(nama pemohon) ini adalah seorang belum berkahwin / telah berkahwin sebelum ini.

3. Saya tiada halangan supaya tuan menikahkan ..... (nama pemohon) di kawasan tuan dengan ..... (nama pasangan) sekiranya tuan dapati tiada apa-apa halangan mengikut Hukum Syarak dan Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di negeri tuan.

Pada : ..... Bersamaan .....

.....  
Tandatangan Pendaftar



BORANG 4

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 17)

**KEBENARAN BERKAHWIN (OLEH HAKIM SYARIE)**

Bil Kebenaran:

Bil Permohonan:

Saya ..... (Nama Hakim Syarie) selepas mendengar permohonan  
..... (nama pemohon), memberi kebenaran kepada  
..... (nama pemohon) No. Pengenalan Diri .....  
umur ..... pekerjaan ..... beralamat  
.....  
berkahwin dengan ..... (nama Pasangan), No. Pengenalan Diri  
..... umur ..... pekerjaan ..... di  
alamat .....

Jika pihak lelaki mempunyai isteri, kebenaran yang dikehendaki oleh seksyen 22 telah diberi oleh  
Mahkamah di ..... pada ..... Nombor kes .....

Pada : ..... Bersamaan .....

.....  
Tandatangan Hakim Syarie

No. Siri: (DM/ Kod Daerah / Running Number)



BORANG 5

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 21)

**BORANG NIKAH**

Bilangan Daftar ( <i>Jurunikah</i> ) .....	No. Kebenaran Kahwin:
Tarikh Akad Nikah (Masehi):	Tarikh (Hijrah):
Masa:	Tempat Akad Nikah:
Mukim:	Daerah:

**Pengantin Lelaki**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Alamat Surat Menyurat:	Status: Teruna / Berkahwin / Duda

**Pengantin Perempuan**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Tarikh Lahir:	Umur:
Alamat Surat Menyurat:	Status: Anak Dara / Janda / Balu

No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	No. Surat Perakuan Mati (jika berkenaan):
--	---

**Pengakuan izin perempuan:**

Bahawa saya ..... (nama pengantin perempuan) dengan sesungguhnya mengizinkan kepada ..... (hubungan dengan Wali) saya bernama ..... (nama Wali) menikahkan saya dengan ..... (nama pengantin lelaki) dengan mas kahwin sebanyak RM .....

Tandatangan: .....

Tarikh: .....

**Wali**

Nama Wali:

No. Pengenalan Diri:

Tarikh Lahir:

Umur:

Alamat dalam Pengenalan Diri:

Status: Wali Nasab / Wali Hakim / Wali Am

Hubungan (mengikut tertib wali):

Orang Yang Mengakadnikah: Wali / Jurunikah

Nama Jurunikah:

Alamat:

**Pengakuan Wali:**

Bahawa saya ..... (nama wali) dengan sesungguhnya mewakili kepada .....(nama Jurunikah) mengakadkan nikah ..... (hubungan dengan pengantin perempuan) saya, ..... (nama pengantin perempuan) dengan lelaki bernama ..... (nama pengantin lelaki) dengan mas kahwin sebanyak RM ..... dan saya mengaku bakal pengantin ini tidak ditegah untuk dinikahkan mengikut Hukum Syarak.

.....  
Tandatangan Wali

.....  
Tarikh: .....

**Lafaz Ta'liq**

Bahawa saya ..... (nama suami) dengan sesungguhnya melafazkan bahawa tiap-tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya ..... (nama isteri) selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus, sama ada saya meninggalkan dia atau dia meninggalkan saya, dengan ikhtiar atau terpaksa dan tatkala mengadu dia kepada Hakim Syarie dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu, maka tertalaqlah isteri saya ..... (nama isteri) dengan satu talaq.

.....  
Tandatangan Suami

.....  
Tarikh: .....

**Saksi-Saksi Akad Nikah****Bagi pihak lelaki**

Nama Saksi 1:

No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

Nama Saksi 2:

No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

Nama Saksi (Gantian):

No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

**Bagi pihak perempuan**

Nama Saksi 1: No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

Nama Saksi 2: No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

Nama Saksi (Gantian): No. Pengenalan Diri:

Tandatangan .....

Mas Kahwin: Hutang / Tunai:

Hantaran: Pemberian Lain (jika ada):

**Catatan Jurunikah**

Saya mengaku dengan sesungguhnya bahawa butir-butir yang dimasukkan dalam borang ini semuanya benar dan betul sebagaimana yang diberikan oleh orang-orang yang berkenaan dan saya dapati kenyataan-kenyataan itu memberi puashati kepada saya, oleh itu pernikahan boleh dilaksanakan.

Tandatangan Jurunikah: Cap / Meterai:

Nama: Tarikh:

No. Tauliah:

**Catatan Pendaftar**

Saya mengaku bahawa butir-butir yang dimasukkan dalam borang ini semuanya benar dan betul sebagaimana yang diberikan oleh Jurunikah dan saya dapati kenyataan-kenyataan itu memberi puashati kepada saya, oleh itu saya arahkan pendaftaran hendaklah didaftarkan.

Tandatangan Pendaftar: Cap / Meterai:

Nama:

Tarikh:

No. Siri: (SPM/ Kod Daerah / Running Number)



BORANG 6

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Seksyen 25)

FORM 6

Gambar Suami  
*Husband's Photo*

ISLAMIC FAMILY LAW (TERENGGANU) ENACTMENT 2017  
(Section 25)

Gambar Isteri  
*Wife's Photo*

**SURAT PERAKUAN NIKAH**

**MARRIAGE CERTIFICATE**

No. Daftar:

*Registration No.*

Tarikh Daftar (Masehi):

*Date of Registration*

No. Kebenaran Kahwin:

*Marriage Approval No.*

Tarikh Akad Nikah (Masehi):

*Date of Solemnisation*

Masa:

*Time*

Nama Pengantin Lelaki :

*Name of Groom*

Tarikh Lahir:

*Date of Birth*

Alamat:

*Address*

No. Daftar Lama:

*Old Registration No.*

Bersamaan:

*Corresponding (Hijrah):*

Tarikh: (M) Bersamaan (H)

*Date (M) Corresponding (H)*

Tarikh (Hijrah):

*Date (Hijrah)*

Tempat Akad Nikah:

*Place of Solemnisation*

No. Pengenalan Diri:

*Identification No.*

Umur:

*Age*

Status Pengantin Lelaki:

*Status of Groom*

Nama Pengantin Perempuan:

*Name of Bride*

Tarikh Lahir:

*Date of Birth*

Alamat:

*Address*

No. Pengenalan Diri:

*Identification No.*

Umur:

*Age*

Status Pengantin Perempuan:

*Anak Dara/Janda/Balu*

*Status of Bride: Virgin / Widow*

Nama Wali:

*Name of Wali*

Tarikh Lahir:

*Date of Birth*

Status Wali: Wali Nasab/Wali Raja/Wali Am

*Status of Wali: Wali Nasab/Wali Raja/Wali Am*

Orang Yang Mengakadnikah: Wali/Jurunikah

*Person Solemnising The Marriage: Wali/*

*Jurunikah*

No. Pengenalan Diri:

*Identification No.*

Umur:

*Age*

Hubungan:

*Relationship*

Nama Jurunikah:

*Name of Jurunikah*

Nama Saksi 1: <i>Name of Witness 1</i>		No. Pengenalan Diri: <i>Identification No.</i>
Umur: <i>Age</i>	Tarikh Lahir: <i>Date of Birth</i>	Alamat: <i>Address</i>
Nama Saksi 2: <i>Name of Witness 2</i>		No. Pengenalan Diri: <i>Identification No.</i>
Umur: <i>Age</i>	Tarikh Lahir: <i>Date of Birth</i>	Alamat: <i>Address</i>

Mas Kahwin: <i>Mas Kahwin</i>	Tunai / Hutang: <i>Cash / Credit</i>
Hantaran: <i>Gifts</i>	Pemberian Lain (jika ada): <i>Other Gifts (if any)</i>

Pendaftar  
*Registrar*

**Pengantin lelaki telah berta'liq seperti berikut:**

Bahawa saya ..... (nama suami) dengan sesungguhnya melafazkan bahawa tiap-tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya ..... (nama isteri) selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus, sama ada saya meninggalkan dia atau dia meninggalkan saya, dengan ikhtiar atau terpaksa dan tatkala mengadu dia kepada Hakim *Syarie* dan tatkala sabit pada sisinya diatas ketiadaan sekedudukan selama itu, maka tertalaqlah isteri saya ..... (nama isteri) dengan satu *talaq*.

***The bridegroom has made a declaration of the ta'liq as follows:***

*I ..... (Name of husband) solemnly declare that on every occasion that I am estranged from my wife ..... (Name of wife) for a continuous period of 4 months, whether I leave her or she leaves me, by will or by force and upon application by her to the Syarie Judge and upon satisfied by him of such estrangement, therefore at that moment my wife ..... (Name of wife) would be divorced with one talaq.*

Tandatangan: .....  
*Signature*

Tarikh: .....  
*Date*

Pendaftar  
*Registrar*

No. Siri: (KPN/ Kod Daerah / Running Number)

## BORANG 7

## ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017

## KAD PERAKUAN NIKAH



DEPAN



BELAKANG

1. Logo Negeri	1. Nama Suami
2. Nama Jabatan : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Rumi dan Jawi)	2. No. Pengenalan Diri
3. Logo NCR	3. Nama Isteri
4. Gambar Suami	4. No. Pengenalan Diri
5. Gambar Isteri	5. Tarikh Akad Nikah
6. Pejabat Pengeluar	6. No. Siri Surat Perakuan Nikah
7. No. Siri Kad	7. Tarikh Dikeluarkan
	8. No. Daftar

## KAD CATATAN NIKAH



DEPAN



BELAKANG

1. Logo Negeri	1. Nama Suami
2. Nama Jabatan : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Rumi dan Jawi)	2. No. Pengenalan Diri
3. Logo NCR	3. Nama Isteri
4. Gambar Suami	4. No. Pengenalan Diri
5. Gambar Isteri	5. Tarikh Akad Nikah
6. Pejabat Pengeluar	6. No. Siri Catatan Dalam Daftar
7. No. Siri Kad	7. Tarikh Dikeluarkan
	8. No. Daftar



No. Siri: (BE/ Kod Daerah / *Running Number*)



BORANG 8

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Subseksyen 24(b))

**PERMOHONAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN BERLAWANAN ENAKMEN**

**A. MAKLUMAT SUAMI**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Nama Lain (jika ada):	Umur:
Tarikh Lahir:	Email:
Bangsa:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Alamat Surat Menyurat:
Daerah:	Negeri:
Pekerjaan:	Pendapatan:
Status (Semasa Perkahwinan): Teruna / Berkahwin / Duda	Bil. Isteri:
No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	No. Surat Perakuan Mati (isteri) (jika berkenaan):
Tarikh Saringan HIV:	No. Siri Saringan:
Tarikh Kursus MBKPI:	No. Siri Sijil:

**Pengakuan:**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Tandatangan:

Tarikh:

**B. MAKLUMAT ISTERI**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Nama Lain (jika ada):	Umur:
Tarikh Lahir:	Email:
Bangsa:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Alamat Surat Menyurat:
Daerah:	Negeri:
Pekerjaan:	Pendapatan:
Status (Semasa Perkahwinan): Anak Dara/Janda/Balu	No. Surat Perakuan Mati (Suami) (jika berkenaan):
No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	Tarikh Bercerai:
Tarikh Saringan HIV:	No. Siri Saringan HIV:
Tarikh Kursus MBKPI:	No. Siri Sijil:

**Pengakuan:**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan di bawah seksyen 35 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

**C. MAKLUMAT WALI DAN AKAD NIKAH**

Tarikh Akad Nikah (Masehi):	Tarikh Akad Nikah (Hijrah):
Masa Akad:	Tempat Berkahwin :
Mas Kahwin:	Hantaran:
	Pemberian lain (jika ada):
Orang Yang Mengakadnikah: Wali / Jurunikah	Nama Jurunikah:
Status: Wali Nasab / Wali Raja / Wali Am:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Kes Pengesahan Perkahwinan (jika berkenaan):	Penalti dan Tarikh (jika berkenaan):

**D. MAKLUMAT SAKSI-SAKSI AKAD NIKAH****SAKSI 1**

Nama: No. Pengenalan Diri:  
 Tarikh Lahir: Umur:  
 Bangsa: Pekerjaan:  
 Alamat: No. Telefon (Bimbit):

**SAKSI 2**

Nama: No. Pengenalan Diri:  
 Tarikh Lahir: Umur:  
 Bangsa: Pekerjaan:  
 Alamat: No. Telefon (Bimbit):

**E. KENYATAAN PENDAFTAR**

Tarikh Terima .....  
 Diterima dan disemak oleh .....

**PERMOHONAN BOLEH DIDAFKARKAN / TIDAK BOLEH DIDAFKARKAN**

No. Pendaftaran Perkahwinan Berlawanan Enakmen : .....

Catatan:

Tandatangan Pendaftar:  
 Nama:  
 Tarikh:

Cap / Meterai:

No. Siri:



BORANG 9

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017  
(Perenggan 29(1)(c))

**PERMOHONAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN LUAR NEGERI**

**A. MAKLUMAT SUAMI**

Nama:	No. Pengenalan Diri:
Nama Lain:	Umur:
Tarikh Lahir:	Email:
Bangsa:	Warganegara: Warganegara / Bukan Warganegara (Sila nyatakan):
No. Telefon (Bimbit):	No. Telefon (Rumah):
Alamat dalam Pengenalan Diri:	Alamat Surat Menyurat:
Daerah:	Negeri:
Pekerjaan:	Pendapatan:
Status (semasa perkahwinan): Teruna / Berkahwin / Duda	Bil. Isteri:
No. Surat Perakuan Cerai (jika berkenaan):	No. Surat Perakuan Mati (Isteri) (jika berkenaan):
Tarikh Saringan HIV:	No. Siri Saringan:
Tarikh Kursus MBKPI:	No. Siri Sijil:
Tempoh Tinggal Di Luar Negeri:	
No. Pasport/Dokumen Perjalanan:	Tarikh Perjalanan:

**Pengakuan:**

